

19 OCT 2001

Belanjawan-Islam

RM294.3 JUTA UNTUK LAKSANA PROGRAM PEMBANGUNAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM294.3 juta bagi membiayai pelaksanaan pelbagai program pembangunan untuk faedah umat Islam di negara ini dalam Belanjawan 2002.

Peruntukan itu meliputi pembiayaan bagi pembangunan Islam berhubung institusi keluarga dan khidmat sosial, peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam, pendidikan di sekolah agama dan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, ketika membentangkan belanjawan itu di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata kerajaan amat prihatin terhadap kefahaman dan pengetahuan agama Islam yang sebenar serta pembangunan masyarakat Islam di negara ini.

"Selaras dengan itu, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan secukupnya di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk faedah masyarakat Islam," katanya.

Ia termasuk pengubahsuaian dan pembinaan masjid, pembinaan kompleks latihan Islam, pembinaan sekolah agama dan pembangunan sistem maklumat.

Dr Mahathir berkata selaras dengan hasrat kerajaan untuk memenuhi bilangan yang diwajibkan bagi penghafal Al-Quran, kapasiti Maahad Tahfiz Darul Quran di Kuala Kubu Baharu, Selangor akan dipertingkatkan iaitu apabila fasa kedua projek pembinaan Maahad Tahfiz itu siap.

Beliau berkata kerajaan juga bercadang melaksanakan lebih banyak program kefahaman Islam yang sebenar kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta menerusi kursus pengukuhan akidah, pembinaan sahsiah, penghayatan Islam dan pembinaan insan.

Matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan masyarakat yang bertaqwa di kalangan umat Islam dan ini hanya akan tercapai jika tidak ada penyelewengan oleh mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar agama Islam.

"Jika didapati ada mana-mana pihak yang mengajar ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, umpamanya mengajar membenci orang Islam lain, menolak persaudaraan dalam Islam, mengajar bahawa orang Islam tertentu adalah kafir, menyebarkan fitnah, maka peruntukan akan dihentikan," kata beliau.

Ini kerana, kata Dr Mahathir, peruntukan yang diberi adalah untuk mengembangkan pengetahuan agama Islam dan bukan sebaliknya.

-- BERNAMA

SBB JA MFJ RON